

B A R I S A N  
D A N  
B A R I S A N  
Y A N G D I A M  
M E M B I S U

AGM menyediakan peluang keemasan kepada pemegang saham untuk melibatkan diri dengan pihak pengurusan dan membuat keputusan termaklum. Kejayaan AGM bergantung pada tata kelola syarikat dan penyertaan pemegang saham yang aktif.

## Memecah kesunyian: Mengapa AGM perlu mengujakan?

Pepatah Melayu ada menyebut, tak ada meriam, baik diam, tak ada lela baik merela. Walaupun menjadi pendengar yang baik itu suatu kemahiran yang penting, namun senyap juga berbahaya terutamanya dalam mesyuarat agung, yang mana ia boleh disalah anggap sebagai berpuas hati atau bersetuju. Bilik mesyuarat yang sunyi sepi memberi petanda bahawa semuanya baik-baik sahaja, tetapi realitinya mungkin jauh lebih kompleks.

Di MSWG, penganalisis kami menghadiri ratusan mesyuarat agung setiap tahun. Setakat tahun ini, kami telah mengambil bahagian dalam kira-kira 250 mesyuarat agung tahunan (*annual general meetings*, AGM), yang dijalankan dalam pelbagai format iaitu secara maya, fizikal dan hibrid. Walaupun sesetengah mesyuarat dijalankan secara dinamik dan berwawasan, kini muncul trend yang membimbangkan. Terlalu banyak AGM dilihat tidak bertenaga, dengan tiada perbincangan yang bermakna antara pemegang saham dan lembaga pengarah.

Peningkatan jumlah AGM yang diadakan secara maya sering disebut sebagai sebab di sebalik suasana mesyuarat yang sunyi sepi, kerana format ini boleh menghalang interaksi dan menyekat ekspresi. Dalam sesetengah keadaan, ada pengarah mengambil kesempatan ke atas tetapan maya untuk mengetepikan soalan pemegang saham. Walau bagaimanapun, hal ini jarang-jarang berlaku.

Sebagai contoh, AGM Syarikat F, sebuah pengendali kren menara yang diadakan pada bulan Jun 2024 dan menarik kehadiran kira-kira 400 pemegang saham dan proksi. Walaupun ulasan prestasi dan taklimat prospek tidak dibuat, namun pemegang saham tidak sabar-sabar melontarkan soalan kepada pihak pengurusan melalui kotak sembang tentang arah aliran industri, keberuntungan dan strategi perniagaan. Pengarah Urusan menjawab soalan mereka dengan sabar dan jelas, menjadikan sesi Soal Jawab selama sejam itu suatu medan pertukaran idea yang meriah. AGM ini memberi contoh cara pelaksanaan mesyuarat maya yang menarik dan bermaklumat, yang menawarkan persepsi berharga, melangkaui sempadan geografi.

Sebaliknya, situasi ini berbeza dalam AGM Syarikat P, sebuah pembekal penyelesaian teknologi maklumat (IT). Walaupun mesyuarat secara fizikal itu menyaksikan kehadiran yang besar iaitu kira-kira 200 pemegang saham, sesi Soal Jawabnya sunyi sepi dan terasa janggal. Walau bagaimanapun, keputusan pengundian menzahirkan kisah yang sebaliknya; hadirin membantah walaupun tanpa luahan kata-kata. Beberapa pemegang saham minoriti mengundi menentang resolusi tersebut, namun mereka memilih untuk tidak menyuarakan perasaan tidak puas hati sewaktu mesyuarat berlangsung. Bantahan mereka yang dibuat melalui pengundian ternyata lebih 'lantang' berbanding dengan 'suara' mereka sewaktu mesyuarat diadakan.

## Budaya senyap

Di Malaysia, pemegang saham memilih untuk berdiam diri semasa AGM bukanlah perkara asing, terutamanya dalam persekitaran fizikal. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada fenomena ini.

Budaya Asia, yang berakar umbi dalam kolektivisme, sering mengutamakan perpaduan dan keharmonian sosial berbanding ekspresi diri. Kebanyakan pemegang saham lebih suka mengelak konflik. Mereka khuatir sifat berterus-terang mungkin dianggap mengganggu, terutamanya apabila orang lain memilih untuk berdiam diri.

Tambahan pula, Malaysia berada pada kedudukan yang sangat tinggi dalam Indeks Jarak Kuasa (*Power Distance Index*, PDI), suatu konsep yang diperkenalkan oleh Profesor Geert Hofstede pada 1970-an. PDI mengukur sejauh mana individu dalam masyarakat yang kurang berkuasa menerima dan sudah menjangkakan bahawa kuasa diagihkan secara tidak sama rata. Di negara-negara yang mempunyai PDI yang tinggi seperti Malaysia, masyarakat sudah menerima struktur hierarki dan mereka tidak menyenangi sikap dan tingkah laku yang mencabar pihak berkuasa.

Akhir sekali, ramai pemegang saham, terutamanya pelabur baharu, mungkin memerlukan panduan tentang perkara yang perlu ditanya semasa mesyuarat. Senarai Semak Tadbir Urus Korporat AGM, yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, MSWG dan Majlis Pelabur Institusi, dapat membimbing pemegang saham minoriti dalam hal-hal dan isu kritikal untuk dipertimbangkan atau dibangkitkan sewaktu AGM sebelum melaksanakan hak mereka untuk mengundi. Soalan MSWG yang dipaparkan dalam mesyuarat juga boleh menjadi titik permulaan kepada pemegang saham untuk memulakan perbualan dengan lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

### Bagaimana Menjadi Pemegang Saham yang Berkesan?

1. **Kekal Termaklum:** Pemegang saham perlu mengikuti perkembangan tentang trend ekonomi yang semakin meningkat dan perkara yang boleh menjejaskan pasaran, sektor dan syarikat itu sendiri. Selain itu, sentiasa mengambil tahu isu-isu berkaitan kelestarian dan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environment, social and governance*, ESG) kerana faktor ini boleh memberi kesan yang ketara kepada syarikat.
2. **Membaca Laporan Tahunan:** Baca dan semak laporan tahunan dengan teliti sebelum AGM. Fokus kepada bidang utama seperti trend pendapatan, margin keuntungan, aliran tunai, prestasi segmen, pesanan yang belum diselesaikan, perkara audit utama, prospek dan rancangan pengembangan. Perhatikan sama ada terdapat perubahan ketara atau petanda amaran yang berpotensi menjejaskan kesihatan kewangan dan operasi syarikat.
3. **Menyemak Resolusi yang Dicadangkan:** Teliti setiap resolusi yang dicadangkan pada AGM. Untuk pelantikan atau pelantikan semula pengarah, tanyakan

bagaimana pengarah ini boleh menambah nilai kepada syarikat. Nilai latar belakang mereka, kepakaran industri dan sebarang pengalaman dan penglibatan dalam isu tadbir urus korporat sebelum ini. Pertimbangkan sama ada mereka mungkin terbeban jika memegang jawatan lembaga pengarah atau peranan eksekutif sepenuh masa dalam organisasi lain.

4. **Sediakan Soalan Lebih Awal:** Sediakan soalan khusus dan relevan sebelum mesyuarat. Soalan anda boleh merangkumi soalan susulan berdasarkan minit mesyuarat sebelum ini, biasanya tersedia di laman sesawang syarikat.

### **Libatkan dan perkasakan**

Mengikut pemerhatian kami, sesetengah pemegang saham minoriti mungkin menghadiri AGM semata-mata untuk mendapatkan cenderamata sama ada hadiah, bawcher, kredit e-dompet atau insentif tunai dan bukannya menggunakan peluang ini untuk melibatkan diri dan mendapatkan pandangan berharga tentang pelaburan mereka. Penyediaan jamuan meningkatkan lagi daya tarikan untuk menghadiri mesyuarat fizikal. Dalam sesetengah kes, pemegang saham hanya mendaftar kehadiran mesyuarat untuk menerima cenderamata, tetapi malangnya, ada yang memilih untuk pulang sebelum mesyuarat bermula.

AGM tidak seharusnya dianggap sebagai sekadar menanda kotak semak pada kalendar korporat semata-mata. Ia merupakan peluang penting untuk pemegang saham membuat keputusan termaklum berdasarkan interaksi dan perbualan mereka dengan lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

Selain itu, banyak syarikat kecil dan sederhana, walaupun berpotensi, sering terlepas daripada radar media dan penganalisis, meninggalkan banyak peluang yang masih belum diterokai. AGM menyediakan peluang keemasan untuk menyelam lebih jauh bagi mencari permata tersembunyi ini.

Apa pun natijahnya, kejayaan AGM terletak pada tata kelola syarikat dan penyertaan pemegang saham. Lembaga pengarah dan syarikat juga perlu bertanggungjawab untuk menambah baik pengendalian AGM, memastikan ia menjadi platform untuk dialog dan penglibatan yang bermakna.

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM): SENARAI SEMAK TADBIR URUS KORPORAT UNTUK PEMEGANG SAHAM



## ANNUAL GENERAL MEETING CORPORATE GOVERNANCE CHECKLIST FOR SHAREHOLDERS

As shareholders, are you prepared to participate effectively at an Annual General Meeting (AGM)? This Checklist highlights questions for shareholders to consider in preparation for an AGM. It covers primarily issues related to resolutions commonly tabled at AGMs such as the appointment or reappointment of directors, approval of directors' fees and the appointment of auditor.

– they should raise these concerns at the AGM and ensure that the information required is provided. While the Checklist was developed for shareholders, other stakeholders such as consumers and potential investors are encouraged to use the Checklist to understand and evaluate the performance, policies and practices of companies.

Where shareholders have concerns, including finding gaps in the disclosure or information provided by the company

*Note: This Checklist is not exhaustive but merely serves as a general guidance for shareholders.*

### PRE-AGM



#### A. NOTICE OF AGM

1. Did you receive the notice of AGM at least 28 days before the meeting as recommended in the *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG)?
2. Are the proposed resolutions supported by sufficient information, explanation and/or justification?
3. Is the venue, timing of the AGM and other administrative preparations convenient?
4. Does the company leverage technology to enable remote shareholders participation (e.g. broadcasting the AGM, using digital platform)?

#### B. DIRECTORS: APPOINTMENT OR REAPPOINTMENT

1. Was the information on the board candidate sufficiently provided (e.g. qualification, experience)?
2. Did the company provide reasons to support the nomination of the board candidate and do you agree with them?
3. Is the board candidate involved with a competitor or connected to a failed or problematic company?
4. Does the board candidate appear 'stretched' in terms of his/her commitment (e.g. sitting on multiple boards or has full time executive position in another company)?
5. How was the board candidate identified? Did the company use independent sources (e.g. search firms, independent directors' registry)?
6. If all board candidates are male, were women candidates considered in the selection process? If not, why?
7. For the reappointment of a director, are you satisfied with his/her performance as a board member?
8. Does the company adopt the MCCG best practice for the reappointment or retention of independent directors with tenure of more than 9 years? If not, why?

★ Refer to Practice 4.2 of the MCCG.

#### C. REMUNERATION

1. Do you know the company's remuneration policy?
2. Does the remuneration policy or structure encourage executive directors and members of senior management to consider a longer-term horizon of the business?
3. Is justification clearly provided to support the remuneration for the board and senior management including any significant changes in the remuneration?

★ The justification provided should help shareholders understand the link between remuneration and performance, including how remuneration is aligned with the company's strategies and priorities.

4. Did the company disclose the remuneration of the top five members of senior management?  
★ *The MCCG recommends the detailed disclosure of the senior management's remuneration including breakdown of each component e.g. director's fees, salaries, bonuses, commission, benefits-in-kind (Practice 7.2 & Step Up 7.3 of MCCG).*
5. Do you agree with the remuneration received by the Chief Executive Officer (CEO)?
6. If the Employee Stock Option Scheme (ESOS) / share grant is granted to non-executive directors, what was the basis or justification provided by the company?

#### D. ANNUAL REPORT

1. Have you read the company's annual report?
2. Was the information provided in the annual report meaningful?  
★ *The standard for meaningful should not be simply a listing of the company's activities rather substantive discussion on significant actions.*
3. Are you satisfied with the financial and non-financial performance of the company?
4. Was explanation clearly provided to explain the performance of the company?

#### E. ADOPTION OF CORPORATE GOVERNANCE BEST PRACTICES

1. Have you read the company's *Corporate Governance Report*? Are you satisfied with the explanations provided?
2. Are you satisfied with the company's adoption of the MCCG?
3. In relation to the company's departure(s) from the MCCG, do you agree with the alternative practice and timeline for adoption? Is the company meeting the timeline it has committed to?
4. Have you compared the company's corporate governance performance against other listed companies as reported in the SC's *Corporate Governance Monitor (CG Monitor)*?  
★ *The CG Monitor is an annual publication of the Securities Commission Malaysia which highlights the adoption of the MCCG and quality of disclosures in the CG Reports.*

#### F. SUSTAINABILITY

1. Is the company taking into consideration material sustainability issues in its operations (e.g. economic, environmental and social consideration)? Is there oversight by the board on these matters?
2. Are the company's sustainability efforts centred solely around charity, donations or community service?
3. Are any of the operations of the company negatively impacting the environment?
4. Does the company have clear and measureable Key Performance Indicators (KPIs) to indicate the effectiveness of its management of sustainability matters?

#### G. AUDIT, RISK MANAGEMENT AND INTERNAL AUDIT

##### Audit

1. Did the audit report highlight any issue(s)?
2. Are there any key audit matters raised by the auditor?
3. Are you aware of the fees paid to the company's auditor for non-audit services?
4. Do you agree with the fees paid to the company's auditor?  
★ *The fees paid to the auditor can be found in the annual report.*

## Risk Management and Internal Audit

1. Have you read the 'Statement of Risk Management and Internal Control' prepared by the board?
2. Are you satisfied with how the risks are identified and mitigated?
3. Is the company's internal audit function adequately resourced considering the size and complexity of the company's operations? Is the internal audit function carried out effectively?

## H. ANTI-CORRUPTION

1. Does the company have an anti-corruption policy? Is the policy adequate?
2. What was the company's assessment of corruption risk for the year?

## AT THE AGM



1. Are all board members (including CEO if he/she is not a board member), present at the AGM? If not, were reasons provided by the Chairman for their absence?
2. Did the company explain the voting procedures for the meeting?
3. Are questions posed by shareholders pre-AGM highlighted at the meeting?  
★ *For example, questions posed by the Minority Shareholders Watch Group (MSWG) or the Institutional Investors Council (IIC).*
4. Was sufficient time provided for questions and answers?
5. Are you satisfied with the responses provided by the board?
6. Apart from the Chairman, do other board members respond to questions?
7. Did the company's auditor present the audit findings at the AGM? Were there problems highlighted in relation to the audit?
8. If there is a change in auditor, is the outgoing auditor present?
9. Are there any current allegations or has the company been charged for any breaches of the law? If yes, what is the status and implications on the company and its stakeholders?

## POST AGM



1. Have you read the 'Key Matters Discussed'?  
★ *Listed issuers are required to publish the 'Key Matters Discussed' on its website which is a description of issues discussed and outcomes decided at the AGM.*
2. Do the 'Key Matters Discussed' reflect the discussions and outcomes of the AGM accurately?  
★ *The 'Key Matters Discussed' should not be a mere listing of resolutions and voting outcomes of the AGM.*
3. Are shareholders provided with an accessible and effective mechanism to maintain communication with the company?

## Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 12 hingga 16 Julai 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
15.08.24 (Khamis) 11.00 pagi	Eduspec Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2024 meningkat kepada RM22.05 juta (tahun kewangan berakhir 2023: RM8.94 juta) terutamanya disumbangkan oleh pendapatan tambahan daripada perniagaan elektrik dan elektronik (E&amp;E) dan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), ditambah pula dengan peningkatan dalam pendapatan Penyelesaian Sekolah Digital hasil daripada penyambungan semula sekolah yang progresif.</p> <p>Bagaimanapun, kerugian selepas cukai meningkat kepada RM10.06 juta berbanding -RM1.26 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2023 apabila pendapatan lain menyusut kepada RM4.31 juta daripada RM17.93 juta yang dilaporkan sebelum ini. (Termasuk dalam pendapatan lain pada tahun kewangan lepas adalah pemulihan hutang lapuk tidak berulang serta keuntungan daripada pelupusan anak syarikat dan syarikat bersekutu).</p>
15.08.24 (Khamis) 02.00 petang	Eduspec Holdings Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk mandat pemegang saham baharu yang dicadangkan bagi urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan.



Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
15.08.24 (Khamis) 3.00 petang	Eduspec Holdings Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan mempelbagaian dengan memasukkan Perniagaan Pengujian Elektrik & Elektronik. Selain itu, syarikat juga berhasrat mendapatkan kelulusan untuk cadangan penempatan persendirian sehingga 234.9 juta Saham baharu, yang mewakili sehingga 20% daripada jumlah bilangan Saham terbitan sedia ada, kepada pelabur pihak ketiga bebas yang akan dikenal pasti kemudian. Harga terbitan akan ditetapkan pada diskaun tidak lebih 20% daripada harga purata mengikut jumlah dagangan ( <i>volume weighted average price, VWAP</i> ) selama lima hari untuk saham tersebut sehingga dan termasuk hari dagangan terakhir sebelum tarikh penetapan harga.

### Perkara Penting:

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
Eduspec Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Perniagaan Didik Hibur 5T3M:</p> <p>a) 5T3M, sebuah pusat dan akademi didik hiburan (<i>edutainment</i>) berasaskan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (<i>Science, Technology, Engineering and Mathematics, STEM</i>) yang terletak di Starling Mall, yang memulakan perniagaannya pada awal 2020 ialah dunia imaginasi yang memupuk kecintaan terhadap bidang robotik, pengekodan, kecerdasan buatan &amp; internet benda, teknologi sains dan hiburan. (Halaman 14, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Kami mendapati pusat dan akademi 5T3M yang terletak di Starling Mall ini telah ditutup. Apakah sebabnya?</p> <p>b) Satu lagi rancangan Kumpulan di bawah model B2C (perniagaan kepada pengguna) adalah pembangunan dan pengendalian STEM EduPark di Port Dickson, yang</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p>bertujuan mewujudkan pengalaman seperti berada di taman tema sambil memperkenalkan pendidikan berasaskan STEM kepada orang ramai. Taman ini disasarkan untuk mula beroperasi pada suku keempat, 2024. (Halaman 15, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Pada 28 Jun 2024, Syarikat mengumumkan bahawa 5T3M Edupark Sdn Bhd ("SE"), anak syarikat milik penuh Eduspec, telah menandatangani Surat Ikatan Penyelesaian dengan Palm Springs Development Sdn Bhd ("PSD") bagi merasmikan penyelesaian tuntutan yang berjumlah RM14,776,992. SE akan menjual dan memindahkan semua pemilikannya yang sah dan bermanfaat dalam projek yang dikenali sebagai STEM EduPark yang dibina di atas sebidang tanah yang terletak di Pekan Sungai Menyala, Port Dickson, Negeri Sembilan ("Tanah yang Dipajak"), termasuk Bahagian Permainan Air dan pelbagai bangunan/ struktur serta barangan dan peralatan permainan air di atas Tanah yang Dipajak (secara kolektif dikenali sebagai "Projek"). Penjualan dan pemindahan Projek kepada PDS dianggap selesai pada 28 Jun 2024 mengikut syarat-syarat dalam surat ikatan. (Sumber: Pengumuman Bursa bertarikh 28 Jun 2024 dan halaman 11 Pekeliling bertarikh 11 Julai 2024)</p> <p>Memandangkan pembukaan STEM Edupark telah tertangguh selama beberapa tahun sejak 2022, berapakah jumlah wang yang telah dilaburkan oleh Eduspec ke dalam STEM Edupark? Berapakah jumlah kerugian daripada pelaburan dalam STEM Edupark ini?</p> <p>c) Kumpulan juga menyaksikan jualan yang lebih baik pada tahun ini dengan penganugerahan beberapa projek sekolah digital. Memandangkan projek sedemikian memerlukan pelaburan awal yang besar iaitu untuk membeli perkakasan di peringkat permulaan, Kumpulan telah meneroka dan menerima pakai pilihan pajakan bagi mengurangkan pergantungan kepada pelaburan projek dalaman secara langsung. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2024)</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p>Berapakah anggaran kos pelaburan untuk projek sekolah digital bagi tahun kewangan berakhir 2025?</p> <p><u>Hal-hal Kelestarian</u></p> <p>Berhubung dengan Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian yang Dipertingkatkan yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia di bawah Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran ACE, beberapa pendedahan berkaitan kelestarian yang dipertingkatkan akan diguna pakai untuk laporan tahunan syarikat yang tersenarai dalam Pasaran ACE, yang dikeluarkan untuk tahun kewangan berakhir pada atau selepas 31 Disember 2024. Adakah Eduspec telah memulakan inisiatifnya untuk mengumpul data bagi Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian yang Dipertingkatkan walaupun tidak terangkum dalam kitaran pelaporan ini?</p>



**MSWG CORPORATE MONITORING TEAM**

Dr Ismet Yusoff, Chief Executive Officer (ismet@mswg.org.my)  
Rita Foo, Head, Corporate Monitoring (rita.foo@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Manager, Corporate Monitoring (norhisam@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Manager, Corporate Monitoring (chee.meng@mswg.org.my)  
Elaine Choo Yi Ling, Manager, Corporate Monitoring (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Manager, Corporate Monitoring (cianyai@mswg.org.my)  
Jackson Tan, Manager, Corporate Monitoring (jackson@mswg.org.my)  
Nur Amirah Amirudin, Manager, Corporate Monitoring (nuramirah@mswg.org.my)  
Yan Lai Kuan, Manager, Corporate Monitoring (yan.laikuan@mswg.org.my)  
Lam Jun Ket, Manager, Corporate Monitoring (lam.junket@mswg.org.my)

**DISCLOSURE OF INTERESTS**

With regard to the companies mentioned, MSWG holds a minimum number of shares in all the companies covered in this newsletter.

**DISCLAIMER**

This newsletter and the contents thereof and all rights relating thereto including all copyright is owned by the Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, also known as the Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

The contents and the opinions expressed in this newsletter are based on information in the public domain and are intended to provide the user with general information and for reference only. Best efforts have been made to ensure that the information contained in this newsletter is accurate and current as at the date of publication. However, MSWG makes no express or implied warranty as to the accuracy or completeness of any such information and opinions contained in this newsletter. No information in this newsletter is intended to be or should be construed as a recommendation to buy or sell or an invitation to subscribe for any, of the subject securities, related investments or other financial instruments thereof.

MSWG must be acknowledged for any part of this newsletter which is reproduced.

MSWG bears no responsibility or liability for any reliance on any information or comments appearing herein or for reproduction of the same by third parties. All readers or investors are advised to obtain legal or other professional advice before taking any action based on this newsletter.